

# Misi mencari Mohamad Nordin Tahir berjaya rai wira tidak didendang

**KUALA LUMPUR 21 MEI** - Menge-nangkan jasa seorang pelajar ber-usia 13 tahun yang berusaha me-ngumpul RM1 untuk menderma kepada tabung pembinaan Univer-siti Kebangsaan Malaysia (UKM) 48 tahun lalu, universiti tersebut berusaha menjejaki wira tidak di-dendang itu sejak sebulan lepas.

Melalui hanya sepotong keratan akhbar lama di arkib UKM, misi mencari Mohamad Nordin Tahir yang dilancarkan berjaya mem-buahkan hasil apabila insan berjasa itu dapat ditemui.

Naib Canselor UKM, **Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali** berkata, pihaknya menyimpan semua kera-tan akhbar atau bukti penderma yang telah menyumbang kepada pembinaan UKM untuk pencarian semasa ke semasa.

"Apabila kami membaca semula kisah Nordin yang menjadi lam-bang pengorbanan rakyat terhadap UKM, kami terus menjejakinya.

"Nasib kami baik kerana ada di antara kakitangan yang kenal de-ngan keluarga Nordin dan pencari-an berjalan lancar dan dalam masa seminggu, kami dapat berhubung dengannya," katanya kepada *Ming-guan Malaysia* di sini hari ini.

Kisah Mohamad Nordin yang merupakan anak seorang anak ne-layan miskin dari Seberang Takir,



**MOHAMAD NORDIN  
TAHIR**

Terengganu yang sanggup mengi-kat perut untuk menyimpan duit belanja sekolah yang diberikan ibu bapanya untuk menyumbang kepada penubuhan UKM dianggap sebagai simbol sokongan rakyat ke-pada penubuhan universiti itu.

Beliau menjadi jemputan khas pada Majlis Sambutan 46 Tahun UKM semalam dan dalam majlis itu, Noor Azlan turut mengumumkan UKM akan menjadikan Kampung Se-berang Takir sebagai 'kampung ang-kat' bagi mengenang jasa Mohamad Nordin yang memberi inspirasi dan menyumbang kepada penubuhan universiti itu 46 tahun lalu.

Sementara itu, **Mohamad Nordin** berkata, dia sangat terharu dengan penghargaan itu dan tidak menyang-ka niatnya yang hanya ingin meli-hat penubuhan UKM direalisasikan

Saya sendiri tidak pernah tahu kisah saya ini tersiar di dalam akhbar sehinggalah bulan lepas kerana sukar untuk kami di kampung untuk membeli surat khabar ketika itu."

**MOHAMAD NORDIN TAHIR**

mendapat penghargaan besar sete-lah 48 tahun.

Menurutnya, meskipun kehidu-pan di perkampungan nelayan ke-tika itu sangat daif, tetapi sema-ngatnya dan penduduk kampung untuk merealisasikan penubuhan UKM melambangkan betapa rakyat dahagakan pendidikan sejak dahulu.

"Saya sendiri tidak pernah tahu kisah saya ini tersiar di dalam akh-bar sehinggalah bulan lepas kerana sukar untuk kami di kampung un-tuk membeli surat khabar ketika itu.

"Walaupun sumbangan saya hanya RM1, saya berbangga hasil daripada duit yang saya simpan itu dapat menubuhkan universiti yang sangat terkemuka sekarang dan melahirkan anak bangsa yang menjadi pemimpin," katanya.